

LUMPUR

Sekali lagi mata Rehan kecil memandangi Wilma. “Maybe you pun patut buat affair je macam orang lain.”

“What?” Cawan kopi yang sejak dari tadi dipegang, diletakkan semula ke bawah.

“Kenapa you suggest macam tu?”

“Hmmm... well... sebab I pernah baca yang affair tu boleh jadi rahsia kebahagiaan hidup seseorang.”

“Really?” Wilma ketawa. “Explain.”

Rehan mendekati wajahnya. “Maksudnya macam ni. Maybe ada benda yang you nak atau yang you suka dalam hidup you tapi you tak dapat daripada husband you. Atau maybe benda tu husband you tak boleh bagi atau tak nak bagi. Tapi ada orang lain yang boleh bagi...”

“So you suggest I terus curang dengan husband I, macam you curang dengan girlfriend you?”

“Ya.” Giliran Rehan pula mengangkat cawannya lalu mendekatkannya ke bibir. “I dah kembali single, Wil. Kami dah break up last week. You bila pulak?”

Wilma mengangkat kening. “I tak boleh tinggalkan husband I macam tu je, Rehan. I ada anak dengan dia. Dalam prenup I dulu pun dah tulis, kalau kita orang bercerai, hak penjagaan anak akan jatuh ke tangan dia.”

“Prenup tu you sign lebih sepuluh tahun dulu, Wil. I am sure husband you sekarang dah tak kisah dah. Dia pun dah tak kuasa nak tengok muka budak tu lagi, kan? Kalau tak, takkanlah dia hantar anak you tu kecik-kecik lagi masuk boarding school?”

Wilma ketawa. “You ingat I boleh hidup macam ni lagi ke kalau kena cerai dengan dia?”

“You nak hidup mewah ke you nak hidup kempunan tak dapat apa yang you nak?”

“You ingat dia nak lepaskan I macam tu aje? Kalau I kena bunuh macam mana? You nak ke tengok body I kena benam dalam lumpur?”

“Dia sanggup ke buat macam tu?”

Air kopi hitam pekat tertumpah, mengalir di atas halaman surat khabar yang terbuka. Wilma terkejut, mendengus marah pada diri sendiri lalu pantas mengambil sehelai tuala Elsa yang tergantung di kepala katil untuk menangkap kesan keruh di atas berita itu. Berita kehilangan anak perempuannya, Tiara. Jarum jam yang berdetak perlahan dirasakan makin lama makin lambat bergerak sejak sepuluh hari kejadian itu berlaku.

Pintu jendela kayu di dalam rumah kampung yang didiaminya terbuka dengan sendiri apabila ditiup angin. Pandangannya dihala ke luar, ke sebatang jalan lurus yang di kiri-kanannya cuma hutan belantara. Hatinya masih tertanya-tanya bagaimana anak kecilnya itu mampu memanjat tingkap sebelum melompat keluar dan merayau di tengah malam. Sekelilingnya tidak langsung berlampu.

“Wil?” panggil Rehan sambil mengetuk daun pintu. “Jom makan?”

Wilma tersentak.

Rehan menjengahkan kepalanya sedikit. “You dah dua hari tak makan. Makanlah sikit, Wil. I takut you pulak yang sakit nanti.”

“Tiara takut gelap,” katanya tanpa menoleh.

“Huh?” Pintu dibuka dengan lebih luas. Rehan berjalan perlahan-lahan masuk ke dalam bilik dan meletakkan punggungnya penuh cermat di atas katil.

“Tiara takut gelap, tak mungkin dia berani keluar sorang diri malam-malam kat sini.”

“You tau kan dia memang dari dulu suka sleep walking?”

“Tak mungkin, Han. Tak mungkin dia sleep walking. Eh yang you kenapa dah balik ni? Kenapa you tak keluar lagi cari dia? You nak ke dia kena makan dengan binatang buas kat dalam hutan tu?”

“Wil... semua orang dah balik, Wil. Hari dah malam.”

“Please, Rehan. Please jangan balik selagi tak jumpa dia. Please...”

“Wilma...”

Mereka berpelukan dan menangis.

“Kami nak ucapkan terima kasih kepada semua yang membantu mencari Tiara tanpa lelah. Terutama sekali yang datang dari jauh ke sini hanya untuk sama-sama mencari Tiara. Kepada pihak polis, wartawan yang melaporkan berita, semua yang terlibat, terima kasih banyak-banyak. I have no words to describe how grateful I am. Kami tahu anda juga seperti kami berdua yang mahu lihat Tiara pulang semula, sihat dan gembira seperti kanak-kanak lain. Dan saya yakin dengan berkat usaha dan pertolongan anda semua, Tiara akan pulang semula ke rumah kami, sihat dan gembira seperti kanak-kanak yang lain. Insya Allah. Thank you to you all so very much.”

Semua yang ada di depan Wilma bersorak, terutamanya orang kampung berhampiran resort yang mereka diami, yang turut sama berdoa dan mencari Tiara sejak berita kehilangan anak kecil itu tersebar. Berdekatan mereka ada beberapa orang wartawan dan jurugambar yang masih lagi tidak jemu-jemu melaporkan setiap perkembangan semasa walaupun sudah masuk minggu kedua misi pencarian dijalankan. Di belakang Wilma dan Rehan pula, ada kenalan dan keluarga serta pasukan polis dan bomba yang giat mencari.

“Cik Wilma...” tegur seorang lelaki muda selepas semua orang bersurai. Rehan telah dibawa jauh oleh peguamnya sementara Wilma baru didatangi oleh Wadi, adiknya yang baru tiba dari Kuala Lumpur. Dia menoleh dan cuba melemparkan senyuman dengan berat.

“Saya Naqib dari KL Guardian.” Pas pekerja yang tergantung di leher anak muda itu ditunjuk. “Boleh saya buat interview sikit dengan Cik Wilma?”

“Boleh awak buat interview dengan husband saya je?” tanya Wilma semula, lemah. Dia tahu kenapa ramai wartawan suka mencarinya untuk ditemubual sejak tragedi itu berlaku. Kerana dia juga bekas model dan pengacara popular TV sekitar lewat 90-an dulu. Namanya cukup gah melaporkan berita-berita hangat dalam rancangan TV yang dikelolaknya sendiri sebelum semua itu ditinggalkan selepas dia dilamar oleh kerabat diraja Arab.

“Kalau boleh saya nak interview awak sorang je,” jawab Naqib dengan berbisik.

Wilma pelik. “Kenapa?”

Matanya menjeling pada Wadi yang masih berdiri di sebelah.

“Tak apa, awak boleh cakap depan dia.”

“OK. Kat sini ke atau nak duduk kat mana-mana?”

“Sini aje.” Wilma memeluk tubuh.

Naqib mengangguk. Alat perakam di dalam poketnya dikeluarkan lalu dia menekan butang play. “Sebelum saya mulakan interview ni, saya terlebih dulu nak ucapkan takziah atas kehilangan Tiara. Saya dan rakan wartawan yang lain serta seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti berita ni akan terus sama-sama berdoa supaya Tiara pulang semula ke pangkuan Cik Wilma dan suami dengan selamat.”

“Thank you.”

“OK... hmmm... first saya nak tanya, apa komen Cik Wilma tentang statement pegawai polis tadi? Dia kata Tiara tak diculik tapi dia yang panjat tingkap dan keluar sendiri?”

Wilma tergeleng-geleng. “Awak ada anak?”

“Saya belum kahwin.”

“Hanya orang bodoh je yang akan percaya dengan teori tu. Tiara tu kecik lagi, takkan dia mampu panjat tingkap dan keluar merayau dalam hutan tengah-tengah malam? Dia nak kencing dalam rumah pun dia panggil saya temankan.”

Naqib terangguk-angguk lagi. “Jadi Cik Wilma yakin yang dia diculik?”

“Ya.”

“Tapi macamana pulak dengan maklumat yang kami terima daripada jiran Cik Wilma sendiri. Katanya beberapa tahun dulu dia ada nampak Tiara jalan sorang-sorang tengah malam kat luar rumah.”

“I think we’re done here,” celah Wadi. Sebelah tangannya menolak bahu Naqib manakala sebelah lagi merangkul bahu Wilma.

“Tapi saya masih ada beberapa soalan.”

“Cik Wilma tak ada masa nak jawab soalan-soalan merepek macam ni. Anak dia hilang, awak faham tak? ”

“Ya, saya faham. Saya hanya melaporkan berita.”

“Berita ke khabar angin?”

“Berita. Saya sendiri yang tengok rakaman CCTV tu.”

Wilma dan Wadi berpandangan.

“Any comment, Cik Wilma?”

“No komen.”

“OK.” Naqib mengetap bibir. “Hm... polis juga masih belum ada saksi yang nampak Tiara diculik atau dilarikan malam tu, kan?”

Wilma mengalihkan pandangan ke tepi, cuba menyorokkan airmatanya yang baru gugur.

“Ada sesiapa yang tau pasal percutian ni, Cik Wilma? Awak ada post kat mana-mana akaun social media ke?”

Wilma sudah lama tidak melayari laman sosial.

“Saya tau. Dia ada beritahu saya. Jadi awak ingat saya yang bunuh anak buah saya sendiri? Gitu?” tanya Wadi.

Naqib tidak menjawab.

“Awak rasa saya ada stalker?” tanya Wilma pula.

“Kita cuba kupas sebarang kemungkinan, Cik Wilma. Tiara dikatakan hilang malam kedua selepas awak sekeluarga menginap kat resort ni. Kalau Cik Wilma atau suami tak ada beritahu sesiapa, selain keluarga terdekat, tak mungkin ada sesiapa yang tahu. Resort ni pun tersorok dari orang luar.”

“Sebab itulah kami suspek ini semua kerja orang dalam. Yang tau pasal selok-belok resort ni,” jawab Wadi.

“Ada nama-nama yang terlintas dalam kepala yang mungkin boleh dijadikan suspek?”

“Saya serahkan pihak polis yang buat siasatan,” balas Wilma sambil menjeling pada Rehan yang masih berbual dengan peguamnya dari tadi.

Naqib berpaling ke arah yang sama. “OK... hmmm... saya juga dapat tahu Encik Rehan, suami Cik Wilma, ingin menyaman resort ni atas apa yang berlaku. Komen tentang berita ni?”

Wilma mengalihkan pandangannya ke arah Wadi yang makin erat merangkul bahunya pula. “Saya tak boleh nak komen pasal hal ni. Biar peguam kami dan peguam resort ni yang buat kerja mereka sebaik mungkin dulu.”

“Ada juga sumber yang beritahu, Encik Rehan ada minta wang pampasan daripada resort ni. Boleh saya tahu berapa banyak...”

“Daripada sumber mana pulak awak dengar berita ni?”

“Sumber-sumber yang boleh dipercayai.”

Sekali lagi Wilma menjeling ke arah Wadi. “Saya tak boleh komen jugak pasal hal ni. Yang saya boleh beritahu, tingkap rumah yang saya tinggal ni boleh terbuka dengan sendiri. Pintu depan susah nak kunci dan boleh terbuka sendiri jugak kalau tak ditutup dengan rapat. So sesiapa je boleh masuk dan bawa anak saya keluar.”

“Dan tak ada CCTV kat luar bilik Tiara. Siapa pun yang culik budak tu boleh bawa dia lari keluar dari situ tanpa dapat dikesan,” tambah Wadi.

“Ha, tapi Cik Wilma...”

“Excuse me, Encik Naqib. Saya rasa cukup kat sini je dulu interview ni. Saya nak masuk ke dalam,” pinta Wilma dengan lembut.

Tanpa menunggu jawapan, dia biarkan saja Naqib terpinga-pinga.

Rehan di dapur, duduk di lantai simen, sedang membancuh Nescafe panas untuk diminum. Kakinya sudah tidak berdaya untuk berdiri selepas kepenatan sepanjang hari menjelajah di dalam hutan. Tekaknya juga sudah perit, gara-gara sehari-hari menjerit memanggil nama anaknya dengan harapan suaranya itu didengari dan disahut. Rambutnya sudah kusut-masai, ubannya juga sudah makin memutih. Dia tak tahu bila kali terakhir dia menukar pakaian baru.

Wadi di ruang tamu sedang melayan telefonnya, menatal berita-berita tentang kehilangan Tiara. Kakinya yang kebas dilunjurkan kerana sama seperti Rehan, dia juga sudah tidak berdaya untuk bergerak ke mana-mana lagi. Fikirannya jauh menerawang pada wajah comel Tiara, satu-satu anak buah kesayangannya itu sehinggakan pembaca berita yang sedang melaporkan perkembangan semasa tentang kehilangan Tiara di TV dibiarkan saja bercakap seorang diri.

Kata pemberita, siang tadi anjing pasukan polis ada menemui jejak kaki dipercayai milik Tiara tetapi mereka tidak menemui apa-apa di kawasan berdekatan. Jumlah dron, helikopter, sukarelawan dan pasukan penyelamat juga ditambah. Mereka semua sanggup meredah hutan belantara dengan lebih dalam walaupun dihalang oleh kabus tebal dan tanah lembap dan berlumpur tapi malangnya usaha itu tetap juga tidak membuahkan hasil.

“Di! Kau nak air ada kat dapur!” jerit Rehan dari jauh.

Wadi hanya mendehem.

“Kakak kau dah makan?”

Dia mendengus sebelum memaksa diri untuk berdiri. Langkahnya disusun satu demi satu menuju ke arah abang iparnya itu. “Kau buat apa kat sini?” soalnya dari muka pintu.

“Wilma mana?”

“Bilik.”

“Bilik atas?”

“Bilik Tia.”

Rehan mengesat mukanya. “Suruh dia makan, Di. Aku tak nak dia pulak yang sakit.”

“Berapa kau mintak pampasan kat resort ni?”

Rehan mengeluh. Itu sebenarnya tujuan Wadi datang ke situ. “Setengah juta.”

“Wilma tau?”

Dia mengangguk.

“Maksud aku dia tau pasal kau dah kena buang kerja?”

Dengan pantas Rehan meletakkan telunjuknya ke bibir.

“Jadi bila kau nak beritahu dia?”

“Bila semua ni dah selesai.”

“Bila pulak kau nak bagi duit aku?”

“Bila aku menang kes ni.”

“Sebulan.”

Rehan mengangkat wajah. “Pulangkan anak aku, Di. Dia anak buah kau jugak.”

Wadi menumbuk dinding. “Aku tak sejahat kau, Rehan. Aku dah cukup baik lanjutkan lagi sebulan. Kau jangan macam-macam.”

“Dalam keadaan macam ni pun kau masih lagi fikir pasal duit?”

“Dalam keadaan apa pun aku fikir pasal duit, Rehan. Sebulan.”

Rehan kembali termenung.

“Mama! Mama! Mama!”

“Eh, diamlah! Tia nak apa ni?”

“Nak seratus ribu ringgit.”

“Tia?” Rehan terkejut.

“Nak buat apa dengan seratus ribu ringgit?! Nak beli apa?!” marah Wilma sambil menghentak meja. Pinggan Tiara yang masih penuh bernasi ditolak ke tepi. “Makan!”

“Astaghfirullahalazim. Kenapa you marah dia macam tu sekali?”

“Dah tu nak marah dia macamana lagi?”

“Tak boleh ke tegur budak tu elok-elok? Cuba bawak mengucap sikit, Wilma.”

“Hah! Sibuknya suruh orang bawak mengucap. You tu ingat lagi ke mengucap tu macamana, Rehan?”

“Wil...”

“Wil...”

“Wil!”

“Ha?!”

“Menung apa lagi tu? Dah makan?”

Wilma mengesat air matanya yang sudah kering. “Hm.”

“You tak payah menung-menung macam ni, Wilma. Nanti you pula yang sakit.”

“Malam before Tia hilang, dia ada cuba beritahu I something.”

“Beritahu apa?” Rehan masuk ke dalam bilik dan duduk rapat di sebelah isterinya itu.

“Masa kita dinner malam tu, dia macam nak beritahu I something tapi I marah.”

Rehan menggeleng. “Jom makan? Lepas tu tidur. Esok kita cari dia lagi.”

“Dia nak seratus ribu ringgit.”

Mata Rehan terkebil-kebil. “You tu kena makan sikit nanti sakit kalau perut kosong.”

“Dia nak buat apa dengan seratus ribu ringgit tu...”

“Alah, budak-budakkan memang suka cakap yang bukan-bukan?”

“Jangan-jangan dia kena buli kat sekolah tak, Han? Ada orang minta duit dengan dia?”

Rehan tergeleng-geleng lagi. “Tak ada maknanya budak sekolah lapan tahun macam dia tu minta sampai seratus ribu ringgit. Dah, toksah fikir macam-macam lagi, Wilma. Jom makan!”

“You pergilah makan dengan Wadi dulu, I belum lapar lagi.”

“Wilma, please... I nak makan dengan isteri I.”

“I tak ada selera nak makan, you faham, tak?”

Suasana kembali hening.

Rehan mengucup tepi dahi isterinya sebelum berdiri. Dia menapak selangkah demi selangkah keluar dari bilik dan pintu ditutup dengan perlahan.

Wadi yang tercegat berdiri di ruang tamu, dijeling.

“Dia OK?” soal lelaki itu.

“Kau berapa lama nak stay sini?” soal Rehan semula.

Wadi tidak menjawab.

“Orang biasa takkan mampu bertahan lebih daripada lima hari tanpa makanan atau minuman sebab itulah kita kena dapatkan juga Tiara sebelum kejadian yang lebih buruk lagi akan berlaku,” kata Ketua Polis sewaktu menjawab soalan wartawan yang baru dihulur. “Pihak polis dan keluarga juga telah menawarkan RM10, 000 kepada sesiapa yang berjaya menemui dan membawa pulang Tiara dengan selamat,” sambungnya.

Wilma yang tadi hanya menggigit sekeping roti, mencapai alat kawalan jauh dan menukar ke saluran lain sebelum menutup TV terus. Sebelum ini dia tiada wang sebanyak itu untuk diberikan kepada orang tetapi beberapa hari lalu ada insan berhati mulia yang telah memasukkan sejumlah wang ke dalam akaunnya. Dia tidak tahu siapa.

Telinganya kemudian menangkap riuh-rendah di luar rumahnya setelah TV terpadam. Hiruknya bagaikan ada pesta yang sedang berlangsung. Dia meninjau, melihat pada beberapa orang anak muda yang asyik bermain di kolam mandi. Sebelum kehilangan Tiara, resort itu tidak dikunjungi oleh sesiapa pun. Hanya dua buah rumah kampung saja yang diinap orang. Satu diinap oleh Wilma sekeluarga dan satu lagi oleh sebuah keluarga dari Kuantan yang dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur. Mereka hanya menetap semalam.

Tapi sejak dua hari kebelakangan, keadaan di resort itu telah berubah meriah. Ramai pengunjung datang bukan hanya untuk sama-sama mencari Tiara tetapi juga mahu melihat Wilma dengan lebih dekat. Ada juga beberapa bloggers atau kumpulan web produksi yang datang untuk membuat penggambaran mencari hantu atau merungkai misteri dan konspirasi di sebalik kehilangan Tiara. Beberapa orang bomoh dari pelusuk negara juga muncul untuk mencari Tiara di alam ghaib. Mungkin Tiara disorok bunian, kata mereka.

“Tia ada insurans?” tanya Wadi ketika dia turun dari tangga sambil membetul-betulan kemeja T yang dipakai.

Wilma perlahan menoleh.

“Maybe kau dah boleh start call insurans company dan tanya,” sambungnya selepas itu.

Sepasang kasut yang tersusun di dalam rak di balik pintu dikeluarkan.

Wilma hanya mendiamkan diri.

“Or maybe kau boleh start set up GoFundMe account ke apa. Boleh jugak kurangkan sikit beban kau tu. Kau tinggal kat resort ni lama-lama pun kau kena bayar jugak, kan? Bukannya dia orang bagi kau tinggal free. Kau dahlah nak saman dia orang.”

“Kirim salam dengan Hana,” balas Wilma pendek. Hana itu nama isteri Wadi.

“Insya Allah dua tiga hari lagi aku datang balik. Aku akan datang dengan dia dan Faliq sekali.” Faliq itu pula nama anak tunggalnya. Baru 16 tahun, setahun lebih muda daripada Taha, anak Suraya daripada perkahwinannya yang terdahulu. “Kau tak nak mintak tolong dengan Khalifa?” soalnya tiba-tiba.

Wilma menggaru-garu dahi. “Wadi...”

“Takkan dia tak boleh tolong? Kau ada anak dengan dia, kan?”

Wilma menjeling.

“Untuk pengetahuan kau, dia ada kat KL sekarang ni. Maybe kau boleh contact dia.”

“Aku dah tak ada apa-apa hubungan dengan dia lagi, kau dah lupa ke?” tanya Wilma semula dengan kasar. Dia tahu bekas suaminya itu ada di Kuala Lumpur, wajah lelaki itu ada muncul di TV beberapa hari sebelum itu. Dia juga mengagak Khalifa yang menghantar sejumlah wang misteri ke dalam akaunnya. Tidak mahu terhutang budi, dia serahkan saja kesemua wang itu kepada pihak polis.

“Anak kau?”

Semenjak bercerai, Wilma tidak langsung dibenarkan untuk berjumpa Taha sehingga budak itu mencecah usia 21 tahun. “Bye, Wadi.”

“Kau rasa ni kerja Khalifa? Dulu dia pernah cederakan kau, kan?”

“Wadi, please.”

“Tapi takkan dia still dendam dengan kau lagi pasal kau kahwin dengan Rehan?”

“Wadi aku tak nak dengar pasal dia lagi.”

“Betul tak apa yang aku cakap dulu? Yang kau akan menyesal kahwin dengan Rehan?”

Wilma berpaling memandang wajah adiknya dengan tajam. “Kau keluar nanti tolong rapatkan pintu tu ketat-ketat.”

“OK. Tak care,” jawab Wadi sebelum membuka pintu.

Di luar hiruk-pikuk suara wartawan yang merapati Wadi kuat kedengaran. Wilma menutup mata dan telinga dan cuba menjerit di dalam hati. Namun belum puas pun dia berteriak, daun pintu telah ditolak dengan kuat semula dan Wadi bergegas masuk dengan wajah yang biru. “Wilma! Tia, Wilma, Tia! Dia orang dah jumpa Tia!” ucapnya dengan termengah-mengah.

Fikiran Rehan berserabut. Matanya memandang Wadi yang sedang menenangkan Wilma yang sedang meraung. Di hadapan mereka ada Tiara yang sedang terkujur kaku. Di sebelahnya ada seorang doktor, seorang jururawat serta dua orang pegawai polis yang berbual kecil sesama sendiri. Dia bangun dan berjalan keluar dari bilik itu sebelum duduk di ruang menunggu untuk termenung. Dadanya berdegup kencang. Jantungnya terasa sempit. Dia tidak tahu apa perasaan

yang perlu diluahkan. Takut. Sedih. Sayu. Atau mungkin Kecewa. Segala-galanya kusut bagaikan tali-tali halus yang bersimpul.

Tiara ditemui tertanam di dalam lumpur oleh beberapa orang anak muda yang baru tiba untuk berkelah, dua kilometer dari kawasan resort. Dia masih berbaju tidur tanpa berkasut. Sarung tangan pemberian Wilma untuk hadiah harijadinya masih dipakai tetapi cuma sebelah. Sebelah lagi hilang entah ke mana. Tiara memang tidak boleh tidur tanpa memakai sarung tangan itu. Selain anak-anak muda itu, tiada kesan tapak kaki atau jejak peninggalan manusia lain di sepanjang laluan sebelum Tiara ditemui.

Vharman, peguam Rehan yang tadi pergi ke bilik air, datang dan duduk di sebelah lelaki itu dengan membawa setin air berkarbonat. "I spoke to the police tadi," katanya lalu membuka tin minuman itu. "They will do thorough investigation after this, termasuk kalau ada unsur-unsur jenayah," sambungnya lagi sebelum meneguk airnya dengan rakus.

Rehan mencembeng. "Siapa yang sanggup buat kat anak aku macam ni, Man?"

"I'm sorry."

"Ada orang yang campak dia kat situ. Tak mungkin dia boleh jalan jauh sampai ke situ. Tia budak yang petah, suka bertanya, banyak cakap, bijak. Tak mungkin dia tak sedar dari sleep walking dan carik jalan pulang. Aku yakin ada orang yang dah campak dia kat situ. Dia tak patut mati macam tu, Man. Siapa yang sanggup buat kat anak kecil macam tu?"

Belakang badannnya digosok perlahan oleh Vharman. Sebaik terlihat Wilma dipapah keluar oleh Wadi, dia dengan pantas berdiri untuk mendapatkan isterinya itu. Mereka berpelukan dan menangis lagi entah untuk kali yang ke berapa.

Wadi yang memandang Rehan penuh amarah hanya tersandar di dinding. Satu-satu anak buah kesayangannya telah pergi dan dia yakin Rehan pasti ada kaitan dengannya. Sementara

Vharman yang memandang dari jauh telah kembali menunduk. Dalam kepalanya dia hanya mahukan sebatang rokok lagi.

“Kau jangan datang dekat dengan aku! Aku jijik tengok muka kau!” Tubuh Rehan yang dari tadi merayu dan meminta maaf ditendang sehingga lelaki itu terperusuk ke dinding. “Kau cakap apa yang kau dah buat dengan anak aku? Berapa lama kau dah buat macam ni kat anak aku?!” jerit Wadi dengan makin kuat. Salinan laporan doktor di tangannya dibaling ke udara.

Rehan menunduk. Dia tidak tahu bagaimana Wadi boleh tahu tentang hal itu. Pastiya Faliq yang mengaku sendiri pada bapanya. Sial. Hanya kerana Rehan tidak mahu membelikan motor saja, Faliq sanggup memecahkan rahsia mereka itu. “Aku mintak maaf, Wadi. Tolonglah maafkan aku. Aku tak liwat anak kau, aku tak rogol anak kau. Kami buat suka sama suka!”

“Diam, bangsat!” Sekali lagi kaki Wadi singgah di perut Rehan. “Kau sedar tak budak tu masih bawah umur? Kau sedar tak budak tu anak buah kau sendiri? Dah berapa lama kau buat benda terkutuk ni kat anak aku?!”

Rehan menahan senak. Tak lama. Kali pertama sejak sebulan dua yang lalu. Sewaktu Faliq bermalam di rumahnya ketika kedua-dua orang tuanya ke luar negara atas urusan kerja. Kaki Wadi dipeluk kembali. “Please, Wadi. Jangan beritahu sesiapa hal ni. Aku merayu, aku sanggup buat apa je, Wadi, asalkan kau tak beritahu sesiapa hal ni. Tolong aku.”

“Kau dah buat anak aku macam binatang, kau ingat aku nak diamkan aje ke?”

“Tolonglah aku, Wadi. Aku merayu. Tolong.”

“Papa?”

Wadi yang baru mengangkat tangan untuk memukul kepala abang iparnya itu cepat-cepat menurunkan tangannya semula. Dia mencangkung. Laporan doktor yang tertangkup di lantai, dikutip. “Hey, Tia... Tia dah bangun?” spanya pada Tiara yang berdiri di muka pintu.

Tiara kelihatan takut-takut. Wajahnya berubah apabila melihat Rehan yang tadi merukuk di bucu dinding kembali menegakkan tubuh sambil mengesat mulutnya yang berdarah. “Papa sakit?”

“Tak. Papa tak sakit, sayang. Come here. Kenapa bangun? Esok nak pergi sekolah, kan?”

“Papa gaduh dengan Uncle Wadi?”

“Eh, taklah. Kitorang gurau-gurau aje. Tia pergi tidur dulu, Uncle nak sambung borak dengan Papa jap. Boleh?”

Rehan mendakap Tiara dengan erat, enggan melepaskan anaknya itu pergi.

“Papa teman Tia tidur, please... Mama mana?”

“Mama gi kerja,” bohong Rehan. Wilma sebenarnya masih belum pulang dari keluar meraikan majlis Bachelorette bersama rakan-rakan perempuannya. “Dia belum balik lagi so Tia tidur dengan Papa je malam ni, OK?” Matanya merenung Wadi yang masih menatapnya dengan geram. Dia menggeleng.

Wadi berdiri. “Seratus ribu ringgit.”

“Ha?”

“Aku bagi kau masa sebulan. Seratus ribu ringgit. Cash. Kalau tak ada duit tu awal bulan depan, aku sendiri yang akan heret kau ke balai polis. Faham?” tambah Wadi sebelum meludah ke tepi.

“Uncle Wadi nak seratus ribu ringgit?” tanya Tiara pula.

Wadi tersenyum kecil.

Rehan menelan liur.

“Polis kini sedang melakukan siasatan dengan lebih terperinci pada misteri kehilangan adik Tiara, anak kepada bekas model dan pengacara TV popular, Wilma Wahid. Walaupun tiada kesan cap jari orang luar ditemui pada keseluruhan ruang rumah yang mereka inap, polis percaya ada unsur jenayah yang telah berlaku dalam kes ini.”

“Maksud awak, yang dilakukan oleh keluarga adik Tiara sendiri?”

“Atau someone yang adik ni kenal. Allegedly. Dalam laporan ni, polis mengatakan tiada bukti atau kesan... ahhh... pergelutan atau kekerasan yang telah berlaku pada malam sebelum Tiara dilaporkan hilang. Tak ada orang pun yang dengar sebarang jeritan atau pergaduhan dalam rumah tu, Munir...”

“Tak ada orang lain ke yang tinggal kat dalam resort tu?”

“Hanya Wilma sekeluarga dan pekerja resort je... ahhh... sepasang suami isteri.”

“Tak ada pengawal keselamatan ke dekat resort tu, Liza? Resort tu resort mewah, kan?”

“Boleh tahanlah harga dia. Tapi tak ada, Munir. Resort ni juga jauh dari penempatan lain dan agak pedalaman. Jarak antara bangunan lain dan rumah kampung dalam lebih kurang satu ke dua kilometer. Hmmm... jauh tu...”

“Hmm... bahaya.”

“Jadi pihak polis, ah... pihak polis percaya, yang adik Tiara ni keluar malam itu dengan orang yang dia kenal.”

“Hmmm... jeng jeng jeng. Siapa tu agaknya.”

“Kita baik jangan menuduh. Tapi kita akan buka talian dan tanya pendapat orang ramai. Kita nak tau aje, mungkin pendapat mereka akan dapat membantu siasatan? Kan?”

“Ya, mungkin.”

Mereka berdua ketawa.

“Tapi sebelum tu, Munir, kita bagi laluan untuk azan Zuhur dulu. Lepas ni baru kita buka talian dan sama-sama kita bincangkan tentang misteri nusantara kehilangan adik Tiara ni, boleh?”

Wilma menutup radio dan memandang ke luar.

Kereta yang sedang menderu laju dipandu Rehan, diperlahankan dan matanya liar terpacu mencari jika ada masjid atau surau yang bedekatan. Mungkin Allah nampak niatnya kerana tak sampai sebatu, dia terjumpa sebuah masjid lama dalam sebuah kampung yang kecil. Dia kenal dengan kampung itu, dia pernah singgah di situ dulu sewaktu kecil bersama rakan-rakannya untuk menghabiskan waktu petang.

Tiada apa yang berubah, fikir Rehan. Kampung itu masih kelihatan kecil dan sunyi. Rumah-rumahnya tua. Ada yang sudah hampir roboh, ada juga seperti yang sudah lama ditinggalkan. “I nak solat kejap. You?” soalnya ketika masuk ke kawasan parkir masjid.

Wilma tidak menjawab, matanya masih lagi merenung ke luar.

Tubuh Wilma betul-betul kepenatan hingga dia tidak sedar bila masanya mereka berdua telah sampai di seberang jalan, berdekatan perkarangan lobi kondominium mewah tempat mereka

tinggal. Dia menoleh ke tepi, memandang Rehan yang memberhentikan kereta. Lelaki itu nampak teragak-agak, seolah-olah ada sesuatu yang mengganggu fikirannya waktu itu.

“Kenapa?” soalnya lemah.

“I nak tengok kat lobi tu ada orang ke tidak.”

“Huh?”

“I tak nak ada reporters yang tunggu kat situ.”

Wilma mendengus. “Dia orang takkan sampai sinilah.”

“You nak pergi amik surat?”

“Surat apa?”

Surat daripada bekas majikannya yang memberikan salinan penyata slip gaji yang terakhir, fikir Rehan. Atau surat daripada majikan baru yang mahu menawarkan dia kerja. Surat apa saja. “Dah dua minggu kita tak balik rumah, kan. Mesti ada banyak surat kat mailbox.”

“I nak mandi.”

“OK.” Rehan membuka pintu. Dia tahu kalau sudah naik ke atas nanti, entah bila pula masanya masing-masing akan rajin turun ke lobi. Lalu dia berjalan meninggalkan Wilma sendirian di dalam kereta dan menapak masuk ke lobi. Tangannya diangkat kepada pengawal keselamatan yang hanya tersenyum dan dia terus berjalan sambil menunduk ke ruang mail.

Tiba di depan nombor rumahnya, dia membuka sebuah peti di situ dan mengeluarkan sekeping surat dan satu bungkusan kecil. Peti surat dikunci semula sebelum dia berpatah ke kereta.

Cermin kereta diketuk kerana ia dikunci dari dalam.

Wilma yang masih termenung, terkejut.

Sebaik masuk, Rehan mencampakkan bungkusan kecil itu ke paha Wilma dan sekeping surat lagi digigitnya sebelum dia menyalakan enjin.

Wilma sekali lagi terkejut. Bungkusan itu diraba dan dipicit-picit. Rasanya lembut seperti kain baldi atau barang mainan. Pada sampulnya tidak bersetem. Di depannya tertulis nama Wilma Wahid dan alamat penuh kediamannya. Apabila dibeleg di belakang bungkusan itu, tiada pula alamat pengirim. Tidak ramai yang tahu di mana dia tinggal sebenarnya kerana memang dari dulu dia mengutamakan privasi lalu dia pelik siapa yang mengirimkan surat layang sebegitu.

Lalu dia menggigit bucu bungkusan itu sehingga koyak dan sebaik saja dia mengeluarkan isi di dalamnya, dadanya terus berdebar kencang. Dengan spontan dia menjerit kuat.

“Faliq!”

“Huh?”

“I tau ni Faliq,” sambung Rehan. Jarinya tajam menuding ke arah video anak muda bertopi keledar di dalam rakaman CCTV yang sedang ditontonnya itu. Anak muda itu hanya menunduk ketika berjalan masuk ke lobi dan terus ke peti surat sebelum memasukkan bungkusan kecil yang dikepit di celah ketiak.

“Mana you tau dia? Muka dia tak nampak langsung!” balas Wilma dengan suara yang menggeletar. Dia ketakutan. Di tangannya ada sekeping kertas A4 bertampal kata-kata, RM100 RIBU KALAU MAHU DIA SELAMAT, bersama sebelah lagi sarung tangan Tiara yang hilang.

“I tau. I tau ni dia. Dia nak balas dendam dekat I.”

“Dendam pasal apa?”

Rehan terdiam.

“Faliq nak balas dendam dengan you pasal apa, Rehan? Kenapa sampai dia sanggup bunuh Tia? I tak percaya. I tak percaya dia mampu buat semua ni.”

Rehan mula bermundar-mandir tidak tentu arah dalam pejabat kecil pengurusan kondominium itu. Pengawal yang bertugas, tertanya-tanya.

“Jawab, Rehan! Kenapa Faliq nak balas dendam dengan you? Apa yang you dah buat kat dia?!” Wilma mula menggilanya. Dada Rehan ditumbuk dengan kuat, bertalu-talu sehingga akhirnya dia terpaksa ditenangkan dan dipeluk. Dia menangis dengan kuat.

“I’m sorry, Wilma. I am sorry.”

“Apa yang kau dah buat Rehan? Apa yang kau dah buat sampai anak aku mati?”

“Jom kita ke rumah Wadi. I nak bersemuka dengan dia. Dia kena tau pasal hal ni. Dia kena tau apa yang anak dia dah buat!”

Tapi Wilma menolak tubuh Rehan ke dinding. “I nak beritahu polis. I kena beritahu polis pasal hal ni.” Ayatnya tiba-tiba terhenti. “Hah? Ini ke sebab seratus ribu ringgit yang Tia mintak tu? Untuk ini ke? Untuk bayar nyawa dia?” dan dia kembali meraung sehingga terduduk di lantai. Pengawal keselamatan makin serba salah. Rehan pun begitu, makin tak keruan. “Kenapa dia kena bunuh anak aku, Rehan? Apa salah anak aku dengan dia? Cepat call polis, Rehan! Cepat call polis!”

“Jangan. Jangan Wilma. Tunggu. Please!”

“Kenapa?!”

“Kalau you beritahu polis, I pun akan terlibat sama. Semua ni berpunca daripada I.”

Pengawal keselamatan yang masih menyaksikan aksi mereka berdua dari tadi tumpang terkejut. Rehan makin tak tentu arah. Tangan Wilma ditariknya untuk bawa isterinya keluar dari situ dan masuk saja je ke dalam lif, dia akhirnya menangis.

“Hai, Munir. Kita kembali hari ini dengan perkembangan berita Allahyarhamah adik Tiara Rehan, anak kepada bekas model dan pengacara popular, Wilma Wahid.”

“Panas...”

“Panas sangat Munir sampai saya pun tak tau nak cerita macamana dekat pendengar kita semua hari ini. Plot twist dia kalah novel Fixi. Awak ada baca Buku Fixi?”

“Tak. Saya memang jarang baca buku. Saya mudah mengantuk.”

Mereka berdua ketawa.

“OK, sambung, Liza.”

“OK, saya sambung eh.” Liza membetul-betulkan kerongkongnya. “Hari ini pihak polis telah menahan reman Faliq Wadi, anak kepada Wadi Wahid, iaitu adik kepada Wilma Wahid, kira anak buah kepada Wilma sendirilah, bagi membantu siasatan dalam tragedi malang yang menimpa adik Tiara. Tsk. Tsk. Tsk. Tsk. Tsk.”

“Tragis eh, Liza. Tapi apa kaitan Faliq tu dengan apa yang menimpa adik Tiara ni?”

“Oh. Ha, cerita dia macam ni. Wilma ni dikatakan telah menerima sekeping surat layang meminta wang tebusan RM100 ribu ringgit jika mahu anaknya selamat. Dan!”

“Oh my God! Eh boleh ke kita sebut perkataan God ni?”

“Untuk mengelakkan daripada kena bash dengan netizen, baik jangan.”

“Oh OK. Dan Faliq ni yang hantar surat tu?”

“Yes. Allegedly. Sebab muka dia tak clear dalam CCTV tu, Munir. Dia pakai helmet.

Tapi pakaian dia sama dengan apa yang Faliq ada.”

“T shirt, seluar, semua sama?”

“Yesssa...”

“Tapi boleh ke main tuduh-tuduh macam tu? Maybe kebetulan je?”

“Sebab itulah dia baru kena tahan reman, belum kena tuduhan lagi. Dan Munir, awak nak dengar apa plot twist dia?”

“Ha, apa? Tak sabar nak tau ni...”

“Ha... dengar sini eh. Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai, Rehan Mustafa, suami Wilma ni pernah diugut oleh Faliq dan keluarganya dengan jumlah wang yang sama juga sebelum ini.”

“Wow... diugut atas sebab apa tu, Liza?”

“Untuk tahu pasal tu, kita sambung selepas iklan. Boleh?”

“OK. Kita bagi laluan kepada penaja dulu.”

Wilma berjalan ke ruang tamu dengan secawan kopi yang masih panas. Cahaya mentari yang memancar di luar sengaja dibiarkan menyambar wajahnya, biar terasa hangat pada pagi yang dingin. Dadanya lapang walaupun keadaan bilik masih kusut dengan pakaiannya yang masih banyak belum berpindah dari bagasi dan di atas katil ke almari.

Setahun sejak peristiwa malang itu berlaku, rasa rindunya pada Tiara telah semakin pudar. Faliq masih lagi dalam tahanan polis atas tuduhan membunuh anak kecilnya itu tanpa niat. Pihak pendakwa tidak dapat membuktikan dia yang menculik Tiara tetapi dia juga tidak berada di rumah ketika kejadian itu berlaku dan tiada sesiapa pun yang boleh mengesahkan di mana dia berada.

Wadi, bapanya pula, juga telah ditahan kerana disyaki memeras ugut Rehan dengan wang bernilai RM100 ribu. Lucu. Rehan tidak pernah ada wang sebanyak itu untuk ditaburkan kepada orang lain. Rehan sendiri kini meringkuk di dalam penjara atas kesalahan melakukan seks luar tabii kepada budak bawah umur.

Pintu beranda dibuka dan Wilma melangkah keluar dengan baju tidurnya yang berbau. Asap dan kabus pagi di kota New York, dihirup. Warganya yang bertuhankan waktu, ditatap dari atas. Teksi kuning dan kenderaan lain berselisih di celah-celah kota yang kacau bilau. Manusia pejalan kaki bergerak pantas dari rumah ke tempat kerja atau ke gim atau ke kedai kopi, melalui jalan dan trotoar, dalam keadaan murung atau muram.

Wilma merenung pada kopi di tangannya yang masih belum diminum. Cawan kecilnya diletakkan ke bawah sebelum dia duduk pada kerusi besi berukir warna putih dan memeluk tubuh yang sejuk.

Bunyi loceng pintu ditekan kedengaran ketika belum sempat dia mengelamun lebih jauh. Tangannya menekup mulut untuk menghidu nafas. Tidak segar tapi tidak juga busuk. Dengan penuh berhati-hati dia cuba berdiri tetapi cuainya tertampar cawan kecil kopinya tadi sehingga airnya tertumpah.

Dia menyumpah.

“Mom...” kata Taha ketika pintu dibuka. Tubuh ibunya dipeluk. “It was an accident. I didn’t mean to kill her, Mom. I swear it was an accident. I’m so sorry.”

“Syy... syy... syyy...” pujuk Wilma dengan berbisik. “I know. I know.”

Tingkap bilik Tiara sengaja tidak dikunci selepas dia meletakkan anak kecil itu di atas katil. Dia menoleh sedikit dan melemparkan senyuman.

“Mama, abang semalam tu akan datang lagi ke malam ni?” soal Tiara dengan kelopak mata yang tertutup.

“Hm. Tia jangan bising-bising, tau? Malam ni dia nak bawa Tia jalan-jalan.”

Tiara ketawa kecil. “Nanti dia nak bagi Tia seratus ribu ringgit?”

“Yes.”

Tiara yang tadi terbaring kembali terjaga dan duduk di atas katilnya. “Duit tu nanti Tia nak bagi Papa, tau Mama. Supaya Uncle Wadi tak mintak-mintak dekat Papa lagi.”

Wilma menjeling. “Kalau Papa ada duit banyak tu, Mama yang akan dapat duit tu dulu. Faham?”

“Mama hari tu Tia nampak lagi Papa tidur dengan abang Faliq.”

Leher Wilma terasa sempit ditujuh dengan kata-kata itu. “Tia tutup mata dulu. Nanti abang tu tak nak datang, tak nak bagi duit, macamana?”

“OK. Sorry Mama.”

“OK. Dah tidur. Good night. Sleep tight.”

“Good night, Mama!”

“Good night.”

“Mama!”

“Apa lagi?”

“Sarung tangan?” Tiara menunjukkan kedua-dua belah tangannya yang terdedah.

Wilma menggeleng lalu menyarungkan kedua-duanya dengan lembut. “OK. Dah. Tidur!”

“Good night, Mama! I love you!”

“Bye.”

Lampu ditutup.